

19/06/2001

Tiba masa pemimpin Umno muhasabah diri

Dr Mohd Azam Rauzan

SEPERTI biasa saban tahun, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) akan menjadi tumpuan ribuan ahli Umno dari seluruh pelosok negara, yang akan berkampung di sana bagi menghadiri Perhimpunan Agung Umno.

Pada tahun ini, Umno akan mengadakan Perhimpunan Agung Sempena 55 tahun kewujudannya. Tentu sekali angka 55 adalah angka yang signifikan. Jika dia seorang kakitangan kerajaan, umur 55 tahun adalah tahun persaraannya daripada memegang jawatan sebagai kakitangan kerajaan. Namun, bagi sebuah parti siasah kebangsaan Melayu seperti Umno yang masih diberi mandat untuk memerintah negara, diharapkan angka itu adalah lambang kekuatan serta kematangan usia.

Mungkin Perhimpunan Agung Umno pada tahun ini tidak semeriah dan seghairah tahun lalu, namun saya berpendapat inilah masa terbaik bagi setiap perwakilan serta pemimpin parti, terutama pada peringkat Majlis Kerja Tertinggi, bermuhasabah serta merenung sejenak apa yang sudah atau belum dilakukan setelah lebih setahun menjawat jawatan.

Sebagai ahli parti daripada generasi profesional muda Umno yang saban tahun tidak ketinggalan menghadiri dan menghayati pengisian perhimpunan tahunan kecuali pada tahun ini, (kerana berada di tanah suci Makkah bagi mengerjakan umrah) izinkan saya memberi sedikit pengharapan serta pendapat untuk dihayati semua perwakilan di Perhimpunan Agung Umno.

Setiap perwakilan serta pemimpin Umno harus bangkit daripada kelenaan mimpi indah mengenai kedudukan Umno sebagai parti unggul mewakili orang Melayu. Sejak kemerdekaan negara tidaklah boleh diambil sambil lewa. Secara sadar atau tidak, masa begitu pantas berlalu meninggalkan kita. Kejutan kekalahan mengejut Umno dan kejatuhan Terengganu serta hampir kalah di beberapa negeri lain di utara dan di pantai timur seolah-olah sudah mula dilupai.

Kita tidak habis-habis dengan agenda permasalahan dalaman parti seperti tiada kesudahannya. Kita baru saja selesai satu lagi episod pemilihan pada peringkat bahagian parti dan saya berasakan tentu sekali selepas ini, tidak berulang lagi episod demam pemilihan di mana-mana peringkat sehinggalah pilihan raya akan datang.

Maka sewajarnya semua pemimpin serta ahli akar umbi parti untuk sama-sama berganding bahu membantu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden parti memacu bahtera Umno di persada alunan gelombang perjuangan politik negara kerana masih banyak lagi agenda perjuangan bangsa Melayu yang belum selesai.

Ahli Umno harus sedar, Umno bukan saja terpaksa berdepan dengan musuh negara yang ingin mengganggu-gugat kestabilan kepemimpinan pucuk pimpinan parti yang menjadi tunjang pemerintah Barisan Nasional (BN) yang telah memajukan negara ke tahap yang sedia ada sekarang. Namun, Umno juga terpaksa berdepan dengan orang Melayu itu sendiri yang datang daripada parti politik yang berlainan aliran perjuangan politik mereka yang ingin menjatuhkan kepemimpinan parti kita.

Amat malang sekali, di saat genting ini, Umno terpaksa berdepan dengan tikaman serta perpecahan. Keretakan perpaduan parti akibat pemilihan kepemimpinan bahagian amat merunsingkan sekali.

Kita selalu dilaung-laungkan supaya memperjuangkan matlamat perjuangan untuk kejayaan umat bangsa, agama dan negara. Kita juga selalu dilaungkan mengenai perjuangan kepentingan yang berasaskan 'kepentingan parti mengatasi perjuangan kepentingan peribadi'. Tetapi marilah kita renungi

sejenak apakah itu yang sebenarnya berlaku dan diamalkan oleh pemimpin parti serta ahlinya? Pada zaman teknologi maklumat dan siber ini, rakyat serta ahli muda Umno dan musuh Umno bukannya buta. Kita harus sedar dan menerima hakikat daripada hasil keputusan pilihan raya yang lalu. Apakah Umno sudah melakukan yang terbaik demi untuk mengelakkan daripada mimpi dan igauan keputusan pilihan raya lalu tidak akan berulang?

Inilah isu serta agenda yang sepatutnya menjadi perkara utama pada perhimpunan kali ini. Ketepikanlah ucapan yang bersifat memuji untuk membodek kepemimpinan parti, sedangkan pada hakikatnya pengisian perjuangan parti semakin rapuh dan lemah. Kita harus menelan walau betapa pahit sekalipun sesuatu ubat, yang penting ia dapat menyembuh dan mengembalikan kegemilangan kecemerlangan parti.

Sejarah telah mempamerkan bahawa kebanyakan parti politik yang pada satu masa dulu menjadi parti pemerintah di seluruh dunia telah lenyap dimamah virus kehancuran dan yang paling dekat sekali telah berlaku di Indonesia. Namun inilah kenyataan yang harus kita terima dengan hati yang tabah dan terbuka.

Tiada gading yang tidak retak dan tiada pekerjaan yang tidak sempurna. Selagi kita diklasifikasikan sebagai manusia, selagi itulah kita tidak boleh lari daripada melakukan kesilapan. Namun melakukan kesilapan berulang kali mennjanjikan mala petaka kepada bangsa Melayu sendiri. Dalam konteks inilah semua pemimpin Umno telah diberikan amanah oleh semua orang Melayu untuk membawa agenda perjuangan bangsa kepada satu tahap yang membanggakan.